

# **PEJABAT MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**

A photograph of a modern office desk. On the desk is a silver laptop, a white desk lamp, a small white storage unit holding pens and scissors, and a large green potted plant. In the background, there's a window with a grid pattern, a framed picture on the wall, and a wooden chair.

## LATAR BELAKANG

- Pejabat Menteri Tugas-Tugas Khas diwujudkan selepas terbentuknya kerajaan baharu Negeri Sabah selepas pilihanraya kelima pada 26 September 2020.
- Pejabat ini merupakan strategi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf hidup setiap lapisan masyarakat kearah kemakmuran, kesejahteraan dan kebijakan yang harmonis.

# VISI

- Peneraju dalam pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam dan pendidikan di negeri Sabah.



# MISI

- Memperkasa sistem pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam dan pendidikan di negeri Sabah.



# OBJEKTIF

- Memastikan sistem pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam dilaksanakan oleh agensi-agensi dipertanggungjawabkan dengan efisien dan efektif dan selaras dengan Syariat Islam.
- Memastikan pelaksanaan sistem pendidikan dilaksanakan setaraf dengan peringkat nasional.



## FUNGSI

- Menasihati Kerajaan Negeri mengenai dengan perkara-perkara berkaitan dengan hal ehwal dan perundangan Islam selaras dengan keperluan masyarakat di Sabah.


- Menyelaras serta memantau aktiviti fungsi agensi yang dipertanggungjawabkan berjalan selaras dengan tanggunjawab masing-masing.

- Menetapkan dasar dan mengemaskini sebarang peraturan dan perundangan yang telah dipertanggungjawabkan agar selaras dengan hala tuju Kerajaan Negeri.

- Bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mencapai dan memastikan sistem perkhidmatan yang terbaik.

# BANTUAN PENDIDIKAN

- Bantuan pendidikan merupakan usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan tiada golongan yang tercicir daripada menerima akses kepada pendidikan berkualiti. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap beban kos pendidikan yang ditanggung oleh ibu bapa, khususnya golongan kurang berkemampuan. Bagi meringankan beban kewangan ibu bapa atau penjaga, pemberian bantuan pendidikan dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk terus menimba ilmu sehingga ke peringkat yang lebih tinggi selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).
- Bantuan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah bagi memastikan semua sekolah dan pelajar mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan aktiviti kokurikulum. Melalui bantuan pendidikan ini, ia dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran pelajar, juga dalam aspek kebijakan dan keperluan sosial pelajar.



# BANTUAN TUNAI PENDAFTARAN IPT SECARA ONE-OFF (BUDI)

- Bantuan Tunai Pendaftaran IPT (BUDI) ialitu bantuan secara *one-off* untuk pelajar dalam kalangan B40 dan M40 yang kali pertama masuk ke IPT sepenuh masa di seluruh Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan.



## PERNYATAAN DASAR

- BUDI bertujuan meringankan beban keluarga kurang berkemampuan untuk membiayai kos kali pertama anak-anak mereka masuk ke IPT sepenuh masa.

## STRATEGI PELAKSANAAN


- Permohonan perlu dibuat oleh pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta sepenuh masa bagi kemasukan kali pertama ke IPT di seluruh Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- Memastikan pemohon adalah warganegara Malaysia berasal dari Sabah dan berumur tidak lebih dari 25 tahun.
- Ibu dan bapa pemohon atau penjaga adalah golongan B40 dan M40. Mendapat pengesahan kemasukan (telah mendaftar) di IPT.

## **BANTUAN KHAS TUNAI PEPERIKSAAN (BAKTI)**

Bantuan Khas Tunai Peperiksaan (BAKTI) adalah bantuan untuk membiayai persiapan pelajar yang akan menduduki SPM, semester akhir STPM dan STAM.

### **PERNYATAAN DASAR**

BAKTI bertujuan untuk memberikan bantuan persekolahan berbentuk kewangan kepada pelajar untuk membiayai yuran peperiksaan atau persediaan sebelum menduduki peperiksaan SPM, Semester Akhir STPM dan STAM.



### **STRATEGI PERLAKSANAAN**

- Memastikan pemohon adalah di kalangan pelajar-pelajar warganegara berasal dari Sabah yang mengambil peperiksaan SPM, STPM, dan STAM.
- Ibu bapa atau penjaga dalam golongan B40. Maklumat pelajar yang layak dikenal pasti dan dikemukakan oleh pihak sekolah.
- Bayaran kepada pelajar yang layak akan dibuat sebelum peperiksaan berkenaan dilaksanakan.



## BANTUAN IHSAN KOMPUTER (BAIK 2.0)

### PERTANYAAN DASAR

- BAIK bertujuan memberikan bantuan komputer riba (*laptop*) bukan berbentuk kewangan kepada kepada pelajar IPT yang kurang berkemampuan untuk membeli komputer riba untuk tujuan pembelajaran.

- Bantuan Ihsan Komputer (BAIK) iaitu bantuan pemberian komputer riba (*Laptop*) di kalangan pelajar-pelajar anak Sabah di bawah e-Kasih Miskin Tegar yang sedang belajar di IPT yang tidak mampu membeli komputer untuk pembelajaran.

### STRATEGI PELAKSANAAN

- Pelajar perlu mengemukakan permohonan dan terbuka kepada pelajar-pelajar IPT yang memerlukan komputer untuk tujuan pembelajaran. Ibu bapa atau penjaga berstatus Bumiputera berasal dari Sabah.
- Satu komputer hanya untuk satu Ketua Isi Rumah (KIR) sahaja.
- Ibu dan bapa atau penjaga dalam golongan e-kasih.
- Memberikan justifikasi keperluan komputer riba.

# BANTUAN AKTIVITI GURU DAN IBUBAPA SABAH (BAGUS)

- Bantuan Aktiviti Guru dan Ibubapa Sabah (BAGUS) merupakan bantuan bagi mengiktiraf dan memperkasa peranan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG). Kerajaan akan memberikan bantuan peruntukan ‘One-Off’ kepada PIBG di setiap sekolah di Sabah agar mereka dapat memantapkan aktiviti untuk kebaikan pelajar dan sekolah masing-masing.



## PERNYATAAN DASAR

- BAGUS bertujuan memberi bantuan kepada PIBG setiap sekolah berbentuk kewangan sebagai suatu insentif kepada Persatuan Ibu bapa dan Guru untuk melaksanakan program dan aktiviti agar dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.



## STRATEGI PELAKSANAAN

- Bantuan untuk aktiviti PIBG seluruh Sabah secara one-off.
- Permohonan bantuan PIBG perlu dibuat melalui Pengetua/Guru Besar

## **BANTUAN IHSAN SEKOLAH SABAH (BISBAH)**

Bantuan Ihsan Sekolah Sabah (BISBAH) iaitu bantuan bagi pembekalan keperluan alat-alat kelengkapan sekolah seperti Komputer, Mesin Pencetak, Multimedia Projektor, perabot, alat-alat bantuan belajar dan seumpamanya kepada sekolah. Bantuan ini bertujuan untuk memberikan keselesaan dan kelengkapan bagi menambah kecemerlangan sekolah di Sabah.



## **STRATEGI PELAKSANAAN**

- Bantuan kepada semua sekolah kerajaan, berupa pembekalan kelengkapan keperluan sekolah untuk membantu meningkatkan kecemerlangan pelajar
- Bantuan boleh juga dipertimbangkan kepada sekolah-sekolah lain yang berdaftar seperti Mahaad Tahfiz, Madrasah, dan yang seumpama dengannya.

## **PERNYATAAN DASAR**

BISABAH bertujuan memberikan bantuan alat-alat kelengkapan sekolah bukan berbentuk kewangan kepada sekolah untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

# **ANUGERAH KHAS KECEMERLANGAN PENDIDIKAN (AKSA)**



- • Anugerah Khas Kecemerlangan Pendidikan (AKSA) adalah untuk mengiktiraf dan menghargai individu yang berasal dari Sabah yang berjaya mengharumkan negeri Sabah sama ada di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa, dalam bidang pendidikan.
- **PERNYATAAN DASAR**
  - AKSA bertujuan menyediakan insentif kepada individu yang berjaya mengharumkan negeri Sabah sama ada di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa dalam bidang pendidikan.
- **STRATEGI PELAKSANAAN**
  - Anugerah Khas Kerajaan Sabah kepada individu cemerlang yang mengharumkan Negeri Sabah sama ada peringkat Negeri, Kebangsaan atau Antarabangsa.
  - Pencalonan hendaklah dibuat oleh pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri Sabah atau pihak-pihak berkenaan untuk mendapat anugerah ini.

## BANTUAN IHSAN TABUNGAN PENDIDIKAN NEGERI (BISTARI)

- Bantuan Ihsan Tabungan Pendidikan Negeri (BISTARI). Melalui BISTARI, setiap anak Sabah yang lahir pada tahun semasa akan ditawarkan akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SPPN) melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri.

## PERNYATAAN DASAR

- BISTARI bertujuan menyediakan insentif tabungan seawal usia sehari kepada anak kelahiran negeri ini melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Inisiatif ini merupakan komitmen Kerajaan Negeri terhadap Pembangunan Modal Insan dengan merintis galakan menabung untuk pendidikan.

## STRATEGI PELAKSANAAN

- Bayi yang lahir pada tahun semasa oleh ibu bapa bertaraf Warganegara Malaysia berasal dari negeri Sabah.
- Simpanan boleh dikeluarkan apabila penerima manfaat berusia 18 tahun.
- Akaun Simpanan akan dibuka atas nama bayi dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).
- Permohonan hendaklah dibuat dengan menyediakan salinan surat Sijil Lahir bayi dan kad pengenalan ibu bapa.




# HAL EHWAL ISLAM

- Pejabat ini juga bertanggungjawab menyelaras, memantau dan mengawal selia, Jabatan/Agensi di bawah iaitu MUIS, JHEAINS, JKSNS dan BAITULMAL dalam memastikan sistem pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam dilaksanakan oleh agensi-agensi dipertanggungjawabkan dengan efisien dan efektif dan selaras dengan undang-undang dan Syariat Islam berdasarkan Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

## PENUTUP

Dasar-dasar ini merupakan dasar-dasar yang digubal untuk mencapai visi, misi dan matlamat pendidikan dan hal ehwal Islam di Sabah. Walau bagaimanapun, dasar-dasar tersebut tertakluk kepada perubahan dasar kerajaan dan keperluan semasa.





**Thank you!**